



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 42,

Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)

10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)

Faks: 604-255 5577

e-Mail : pneg_png@anm.gov.my

Laman Web:

<https://penang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM PG.650 Jld. 3 (30)

Tarikh : 25 Julai 2022

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab yang berkenaan,

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI PERUNDING

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan emel : BPOPP/SPO (Emel)/2022 (276) bertarikh : 22 Julai 2022 adalah berkaitan.

2. Sepertimana yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan (MoF), antara salah satu isu yang menyebabkan kelewatan sesuatu projek fizikal disiapkan adalah pemilihan/pelantikan perunding yang tidak mempunyai kapasiti. Bagi mengatasi isu ini, Kementerian Kewangan (MoF) telah mensyaratkan semua Agensi yang melantik perunding hendaklah **membuat penilaian perunding di dalam Sistem MyGPIS supaya maklumat tersebut dapat dirujuk oleh Agensi lain semasa membuat pelantikan perunding.**

3. Berikutan itu, MoF telah mensyaratkan supaya agensi membuat **penilaian perunding dan rekod tersebut hendaklah menjadi salah satu dokumen wajib semasa tuntutan pembayaran.** Peraturan ini dikuatkuasakan melalui PK3.9 mulai 1 April 2021. Semua Kementerian/ Agensi hendaklah mematuhi kaedah bayaran kemajuan perunding yang memerlukan rekod penilaian prestasi perunding dijadikan dokumen sokongan wajib sebelum bayaran boleh dilakukan.

4. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan PK3.9 untuk tindakan lanjut Pusat Tanggungjawab bagi melaksanakan arahan ini. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' /tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

OMMI NAJWA BHINTI MOKHTAR C.A. (M)
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang